

NAMA :

TINGKATAN :

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2025

PERNIAGAAN

KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT


JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
 2. Jawab semua soalan.
 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
 5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
-

Modul ini mengandungi **22** halaman bercetak termasuk muka hadapan

- 1 Apakah tujuan kewujudan organisasi bukan bermotifkan untung?
 - A Memperoleh keuntungan daripada aktiviti yang dijalankan
 - B Membantu golongan berkemampuan mendapatkan keperluan
 - C Menawarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelanggan
 - D Meningkatkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
- 2 Rajah 1 menunjukkan perubahan bentuk milikan perniagaan.



Rajah 1

Mengapakah Azizah mengambil tindakan tersebut?

- I Perniagaan berterusan
 - II Menanggung liabiliti terhad
 - III Dapat berkongsi kepakaran
 - IV Risiko dapat disebarikan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 3 Apakah perbezaan syarikat sendirian berhad berbanding syarikat awam berhad?
 - A Liabiliti pemegang saham terhad kepada modal yang dilaburkan
 - B Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai
 - C Lebih banyak modal dapat dikumpulkan
 - D Beban cukai syarikat yang rendah

- 4 Situasi berikut berkaitan dengan bentuk perniagaan lain.

Encik Mokhtar telah mendapat kebenaran untuk menjalankan perniagaan menggunakan jenama perniagaan Nasi Ayam Warisan Bonda.

Apakah peranan perniagaan Nasi Ayam Warisan Bonda?

- A Membantu menyediakan khidmat latihan
 - B Membantu mengurus aktiviti perniagaan
 - C Membantu meningkatkan dana kewangan
 - D Membantu mengurangkan risiko perniagaan
- 5 Gambar 1 menunjukkan sektor perniagaan.



Gambar 1


Apakah aktiviti sektor tersebut?

- A Pengeluaran barang terus kepada pengguna
- B Pemprosesan bahan mentah menjadi barang siap
- C Pembuatan barang separuh siap kepada barang siap
- D Penerokaan sumber bahan mentah daripada alam semula jadi

6. Antara berikut, yang manakah persamaan antara perniagaan bersaiz kecil dan sederhana?

- A Menikmati ekonomi bidangan
- B Mempunyai sumber yang cukup untuk menguasai pasaran
- C Mudah untuk mendapatkan pekerja mahir dan berpengalaman
- D Mudah untuk melakukan perubahan dalam strategi perniagaan

7. Gambar 2 menunjukkan agensi kerajaan dalam kerajaan pusat.



Gambar 2

Apakah jenis pembiayaan yang disediakan oleh agensi tersebut?

- A Skim Jaminan Usahawan
- B Skim Jaminan Utama Baharu
- C Skim Pembiayaan Ikhtiar
- D Skim Pembiayaan Kecil

8 Agensi manakah yang menyediakan pembiayaan perniagaan?

- I Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- II Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
- III Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
- IV Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Apakah maksud pengangguran bermusim?

- A Pengangguran berlaku ekoran perubahan dalam industri
- B Pengangguran berlaku akibat kekurangan pekerja terlatih
- C Pengangguran berlaku disebabkan keadaan ekonomi yang meleset
- D Pengangguran berlaku apabila pekerja bekerja dalam jangka masa pendek

10 Pasangan yang manakah betul?

	Jenis Pelepasan Cukai	Huraian
A	Elaun cukai pelaburan	Diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam pengeluaran makanan
B	Taraf perintis	Diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan
C	Potongan cukai	Diberikan kepada syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC)
D	Elaun pelaburan semula	Diberikan kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan

11 Rajah 2 berkaitan dengan grid pengurusan.

9	(1,9)								(Q)
8									
7									
6									
5					(5,5)				
4									
3									
2									
1	(1,1)								(9,1)
	1	2	3	4	5	6	7	8	9


Orientasi pengeluaran

Rajah 2

Situasi yang manakah berkaitan dengan Q?

- A Encik Syed memberi kebebasan kepada pekerja semasa menjalankan tugas
- B Puan Amira mengamalkan sikap toleransi dalam menguruskan perniagaan
- C Puan Bella bersikap tegas dalam mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan
- D Encik Fatah menjalin hubungan yang baik dengan pekerja

- 12 Rajah 3 berkaitan faktor untuk menghasilkan visi, misi dan objektif perniagaan.



Rajah 3

Apakah faktor Y?

- A Kemampuan perniagaan untuk mengekalkan operasi dalam industri
- B Kemampuan perniagaan untuk meningkatkan hasil dari semasa ke semasa
- C Kemampuan perniagaan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
- D Kemampuan perniagaan untuk memaksimumkan hasil dengan meminimumkan kos

- 13 Gambar 3 adalah perbualan antara Puan Melisa dengan Puan Mei Lin.



Gambar 3

Apakah bahagian fungsian jabatan tersebut?

- A Khidmat Pelanggan
 - B Pengagihan
 - C Pemasaran
 - D Jualan
- 14 Apakah tujuan bahagian fungsian pengagihan?
- A Memastikan sumber manusia diagihkan mengikut bidang kepakaran
 - B Memastikan maklumat produk disampaikan kepada pelanggan dengan tepat
 - C Memastikan barang diterima pengguna mengikut tempat dan masa yang betul
 - D Memastikan sumber kewangan diagihkan mengikut peruntukan yang ditetapkan


15 Pasangan yang manakah betul?

	Jawatan	Tugas
A	Pegawai Kredit	Membantu menyediakan penyata kewangan
B	Staf Kewangan	Membuat interpretasi prestasi kewangan
C	Pegawai Kewangan	Memeriksa pendapatan daripada jualan
D	Akauntan	Mengurus semua bentuk hutang perniagaan

16 Manakah faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan?

- A Sumber manusia
- B Gaya pengurusan
- C Teknologi
- D Ekonomi

17 Gambar 4 berkaitan satu aplikasi teknologi maklumat.



Gambar 4

Apakah tujuan penggunaan aplikasi tersebut?

- A Memudahkan perniagaan mendapat modal yang besar
- B Memudahkan perniagaan mendapat keuntungan yang tinggi
- C Memudahkan perniagaan mendapat pinjaman dengan segera
- D Memudahkan perniagaan mendapat maklumat dengan cepat

- 18 Maklumat berikut merupakan satu peranan pengurusan sumber manusia.

Pemantapan Budaya Profesional

Antara berikut, yang manakah berkaitan peranan tersebut?

- I Mengamalkan kerja beretika, berintegriti dan mementingkan kecemerlangan
- II Mengaplikasikan konsep pengurusan seperti *Zero Defect*
- III Melengkapkan pekerja dengan kemahiran dan pengetahuan khusus
- IV Mengurangkan kesilapan tugas dan tekanan kerja

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 19 Maklumat berikut berkaitan faktor pemberhentian pekerja.

- Kemelesetan ekonomi
- Penurunan jumlah jualan tahunan

Apakah jenis penamatan kontrak perkhidmatan tersebut?

- A Persaraan
- B Sukarela
- C Pemecatan
- D Tindakan disiplin

20 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem penggajian.

BUTIK PENGANTIN ANNA SDN BHD			
(14634-G)			
SLIP GAJI BULAN : OGOS 2025			
Nama		: Ahmad Amirul Bin Zamri	
No. Kad Pengenalan		: 990204-02-5452	
Jawatan		: Eksekutif Akaun	
Pendapatan	RM	Potongan	RM
1. Gaji	2500.00	1. KWSP	150.00
2. Elaun Parking	200.00	2. Perkeso	75.00
3. Elaun Makan	300.00		
Jumlah Pendapatan	3000.00	Jumlah Potongan	225.00
		Gaji Bersih	2775.00

Apakah komponen gaji tersebut?

- I Gaji asas
- II Elaun
- III Upah
- IV KWSP dan PERKESO

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21 Maklumat berikut berkaitan sumber pembiayaan.

Encik Syahnur ingin membuka cawangan kafe di kampung halamannya di Pendang, Kedah. Beliau bercadang untuk mendapatkan pembiayaan dalaman.


Antara yang berikut, manakah yang sesuai?

- I Simpanan peribadi
- II Sewa beli
- III Pajakan
- IV Rizab

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



22 Gambar 5 berkaitan faedah penggajian.



Gambar 5

Apakah faedah penggajian yang lain?

- A Elaun
- B Komisen
- C Kemudahan Perubatan
- D Kemudahan Keselamatan

23 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)?

- A Melindungi majikan daripada tuntutan pekerja
- B Menyediakan bantuan perubatan kepada pekerja
- C Mewajibkan caruman ke atas majikan dan pekerja
- D Memberi bayaran tunai berdasarkan prestasi pekerja

24 Apakah sumber fizikal dalam perniagaan?

- A Karya filem
- B Resepi masakan
- C Logo perniagaan
- D Komputer riba

25 Pasangan manakah yang betul?

	Sumber Perniagaan	Prosedur Mengurus
A	Bangunan	Hak Cipta Terpelihara
B	Logo Perniagaan	Perlindungan insurans dan keselamatan
C	Mesin	Penyelenggaraan dan baik pulih terancang
D	Kilang	Paten

26 Maklumat berikut berkaitan sumber pembiayaan perniagaan Rahmat Bakery.

Sumber Pembiayaan	Jumlah Pembiayaan (RM)
Rizab	50,000
Modal Sendiri	20,000

Apakah kelemahan sumber pembiayaan tersebut?

- A Penjamin diperlukan
- B Cagaran perlu disediakan
- C Kadar faedah tinggi perlu dibayar
- D Sukar untuk mengembangkan perniagaan

- 27 Situasi berikut berkaitan dua jenis pembiayaan.

R	Syarikat Dinamik Berhad mempunyai sejumlah Akaun Belum Terima yang tinggi dan memerlukan tunai dengan segera.
S	Puan Mashitoh mempunyai barang kemas yang dijadikan cagaran untuk menambah modal.

Antara yang berikut, pernyataan manakah yang betul?

	R	S
A	Pemfaktoran	Gadaian
B	Pemfaktoran	Pajakan
C	Modal permulaan	Gadaian
D	Modal Permulaan	Pajakan


- 28 Maklumat berikut merupakan format dalam penyata pendapatan.

Perniagaan		
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada		
	RM	RM
Jualan		
<i>Tolak:</i> Pulangan Jualan		
Jualan Bersih		
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Untung Kasar		
<i>Tambah:</i> Hasil		
<i>Tolak:</i> Z		
Untung Bersih		

Apakah contoh butiran bagi Z?

- A Faedah simpanan
- B Pinjaman
- C Modal
- D Utiliti

29 Rajah 4 berkaitan dengan jenis-jenis kos dalam perniagaan.



Rajah 4

Apakah contoh Y?

- A Upah
- B Bil utiliti
- C Sewa premis
- D Bahan mentah

30 Butiran berikut diambil daripada perniagaan Zanariah Trading.

	RM
Stok Awal	6 500
Stok Akhir	8 250
Penghutang	9 000
Pemiutang	4 350
Perabot	12 000

Berapakah Aset Semasa?

- A RM17 250
- B RM25 350
- C RM15 500
- D RM27 500

- 31 Maklumat berikut diperolehi daripada kunci kira-kira perniagaan Hassan Enterprise.

Butiran	RM
Aset Semasa	50 000
Aset Bukan Semasa	100 000
Liabiliti Semasa	20 000
Liabiliti Bukan Semasa	10 000

Berapakah nilai nisbah semasa?

- A 0.5 : 1
 - B 2 : 1
 - C 2.5 : 1
 - D 10 : 1
- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan kecekapan pengurusan stok dua buah syarikat komputer.


Nama Syarikat	Kadar Pusing Ganti Stok
PC Master	7 kali
Digital Store	5 kali

Pernyataan yang manakah betul?

- A Jualan Digital Store lebih tinggi
- B Kos penyimpanan PC Master lebih tinggi
- C Pengurusan stok PC Master lebih efisien
- D Kadar keuntungan Digital Store lebih cepat

- 33 Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat?
- A Dapat mewariskan perniagaan kepada generasi lain
 - B Dapat menawarkan pelbagai pilihan produk
 - C Dapat membuka perniagaan baharu
 - D Dapat memupuk minat keusahawanan
- 34 Antara berikut, yang manakah tanggungjawab sosial sebuah perniagaan?
- A Membuang sisa buangan ke dalam sungai untuk menjimatkan kos
 - B Menggunakan bahan mesra alam dalam pengeluaran produk
 - C Mengupah pekerja tanpa memberikan gaji yang setimpal
 - D Menawarkan harga diskaun kepada pelajar sekolah
- 35 Apakah jenis milikan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- I Koperasi
 - II Perkongsian
 - III Milikan Tunggal
 - IV Syarikat Berhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 36 Gambar 6 berkaitan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh usahawan.



Gambar 6

Apakah perubahan maklumat lain yang perlu didaftarkan?

- A Perubahan maklumat pemilik
- B Perubahan alamat cawangan
- C Perubahan bank perniagaan
- D Perubahan waktu operasi

37 Maklumat berikut menunjukkan penyata aliran tunai bagi bulan Mei 2025.

KEDAI BUKU KARYA NUSANTARA KREATIF Penyata Aliran Tunai bagi bulan berakhir 30 Mei 2025	
Butiran	Mei (RM)
Baki b/b	40 000
Penerimaan	
Jualan Tunai	14 000
Komisen diterima	200
Jumlah Penerimaan	14 200
Pembayaran	
Belian Tunai	9 000
Akaun belum bayar	-
Gaji	3 500
Kadar bayaran	260
Jumlah Pembayaran	12 760
Lebihan/ (Kurangan)	X
Baki h/b	Y

Berapakah nilai Y?

- A RM 41 440
- B RM 38 560
- C RM 26 960
- D RM 13 040

38 Dokumen 1 berkaitan dengan dokumen perniagaan sebuah syarikat.


SALINAN	INV22876																																			
DOKUMEN X Olympic Recreation (K) Sdn Bhd Lot 83, Jalan PSK Dua, Pekan Simpang Kuala, 05400 Alor Setar, Kedah																																				
Kepada : Asas Sport No.3, Jalan Bakar Arang,08000 Sungai Petani Kedah.																																				
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="width: 8%;">Bil</th> <th style="width: 42%;">Butiran</th> <th style="width: 15%;">Harga (RM)</th> <th style="width: 10%;">Unit</th> <th style="width: 35%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Kayu Hoki</td> <td>48.00</td> <td>50</td> <td>2 400.00</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Bola Hoki</td> <td>15.00</td> <td>10</td> <td>200.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td></td> </tr> <tr> <td colspan="4">Jumlah</td> <td>2 600.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4">Diskaun 5%</td> <td>130.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4">Jumlah Keseluruhan</td> <td>2470.00</td> </tr> </tbody> </table>		Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)	1	Kayu Hoki	48.00	50	2 400.00	2	Bola Hoki	15.00	10	200.00						Jumlah				2 600.00	Diskaun 5%				130.00	Jumlah Keseluruhan				2470.00
Bil	Butiran	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)																																
1	Kayu Hoki	48.00	50	2 400.00																																
2	Bola Hoki	15.00	10	200.00																																
Jumlah				2 600.00																																
Diskaun 5%				130.00																																
Jumlah Keseluruhan				2470.00																																
Ringgit : Dua ribu empat ratus tujuh puluh sahaja. Syarat : 10% 14 Hari Angkutan dibayar K. & K di K.																																				

Dokumen 1

Apakah kegunaan dokumen tersebut?

- A Menunjukkan bukti pembayaran
- B Menunjukkan urusanniaga secara kredit
- C Menyenaraikan harga barang yang dijual
- D Menyenaraikan urusanniaga bulanan perniagaan

39 Rajah 5 berkaitan dengan campuran pemasaran.



Rajah 5

Mengapakah **X** penting dalam campuran pemasaran?

- A Untuk memastikan produk memenuhi cita rasa pengguna
- B Untuk memastikan produk dipasarkan dengan segera
- C Untuk menjadikan produk mampu bersaing di pasaran
- D Untuk memperkenalkan produk baharu kepada pelanggan

40 Manakah antara berikut merupakan contoh kaedah jualan langsung?

- A Menjual produk di kedai serbaneka
- B Menawarkan kupon diskaun dalam majalah
- C Menjual produk dari rumah ke rumah
- D Menayangkan iklan di media sosial

MODUL TAMAT